

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: UPACARA PERASMIAN SEMINAR PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN RISDA

TEMPAT: AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH, BANGUNAN RISDA,

TARIKH: 05 FEB 1982

MASA:

Bismillahir rahmanir rahim.
Yang Berhormat
Dato' Shariff Ahmad,
Menteri Pertanian;
Yang Berbahagia
Tan Sri (Dr.) Arshad Ayub,
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian;
Yang Berbahagia
Dato' Hishamudin Yahaya,
Pengerusi RISDA;
Yang Berbahagia
Dato' Dr. Mohd. Noor bin Abdullah,
Ketua Pengarah RISDA;
Yang Berhormat-Yang Berhormat;
Dif-dif Kehormat;
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada
RISDA kerana telah menjemput dan memberi penghormatan kepada
saya untuk merasmikan Seminar Pelaksanaan Projek-projek
Pembangunan RISDA pada hari ini.

2. Pembangunan di Malaysia adalah untuk rakyat dan bukan
untuk bermegah-megah. Oleh itu pembangunan bukan sahaja
memerlukan penglibatan serta pengecapan nikmat oleh rakyat
di peringkat pelaksanaan tetapi juga, di mana yang boleh,
harus melibatkan rakyat di peringkat pengenalan masalah dan
seterusnya masalah-masalah yang dapat dikenal-pasti harus
diberi perkiraan di dalam perancangan. Para peserta Seminar
ini, saya difahamkan, adalah terdiri bukan sahaja daripada
pegawai-pegawai RISDA tetapi juga para pemaju masyarakat
RISDA, iaitu pekebun-pekebun kecil sendiri. Saya harap,
melalui gabungan penyertaan seperti ini pihak berkuasa
RISDA, dengan mengenal-pasti masalah-masalah yang dihadapi
oleh kedua-dua pihak, dapat memperbaiki perancangan,
pelaksanaan dan pengurusannya.

3. Pekebun kecil di negara kita merupakan satu golongan
ekonomi yang penting. Mereka adalah pengeluar sebahagian
besar daripada hasil salah satu sumber kekayaan negara yang
penting, iaitu getah asli. Namun demikian, pekebun kecil
merupakan sebahagian besar daripada rakyat kita yang
termasuk di dalam golongan yang terletak di bawah paras

kemiskinan. Sungguhpun ekonomi negara kita tidak lagi bergantung hanya kepada getah dan mulai daripada tahun 1980 petroleum telah mengambil tempat getah sebagai sumber utama kewangan negara kita, pergantungan sebahagian besar rakyat kepada getah memaksa kita mengambil segala tindakan untuk menentukan kedudukan barangan ini tidak terjejas.

4. Saudara-saudara sekalian maklum bahawa usaha-usaha pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk membawa kemakmuran dan kesejahteraan bagi rakyat dan negara. Malangnya, usaha ke arah kebaikan tidak selalunya mendapat sokongan daripada semua pihak. Memang terdapat faedah kepada sesiapa, termasuk dirinya sendiri. Tetapi, ini tidak menjemukan mereka dari mengeluarkan pendapat mereka yang tidak mendatangkan faedah ini. Umpamanya apabila Kerajaan melaksanakan sistem metrik mereka ini mengecam Kerajaan kerana kononnya Kerajaan berhajat untuk memudahkan orang Cina menipu orang Islam. Mereka ini lupa bahawa sistem metrik adalah sistem yang digunakan dikebanyakan negara Islam, termasuk Arab Saudi di mana umat Islam berkunjung untuk membuat ibadat Haji. Kita boleh bertanya mereka, apakah dengan penggunaan sistem metrik kerajaan negara-negara ini berhajat untuk menipu orang Islam. Begitu juga ada di antara orang yang pandai menyakiti hati orang lain ini yang berkata bahawa Kerajaanlah yang merancang supaya pendatang haram dari Vietnam datang ke Malaysia dengan tujuan untuk mengurangkan peratusan orang Melayu. Begitu juga persamaan waktu Semenanjung dengan waktu Sabah-Sarawak, kononnya bertujuan mengelirukan orang Islam supaya tidak dapat berbuat ibadat. Apabila cukai kamera dihapuskan sebagai satu muslihat untuk memperbaiki ekonomi negara, mereka ini secara sinis berkata, "Kamera bukan boleh makan. Kalau beras turun harga patutlah" Mereka ini jugalah yang dahulu bertanya buat jalan di kampung bukan boleh makan, sambil menunggang Honda mereka di jalan kampung.

5. Tiap-tiap hari mereka ini tidak fikir lain melainkan mencari apa sahaja yang hendak dijadikan bahan fitnah. Bahawa agama Islam menganggap fitnah sebagai lebih bahaya dari membunuh, tidak sedikit pun dihiraukan.

6. Orang yang seperti ini adalah sampah masyarakat. Merekalah yang memburukkan nasib masyarakat. Merekalah yang menghalang kemajuan. Dan jika kita memeriksa mereka kita tetap akan dapati bahawa mereka tidak segan-segan mengecap nikmat hasil dari usaha-usaha ataupun aktiviti-aktiviti yang mereka kutukkan itu.

7. Saya menarik perhatian kepada golongan sampah masyarakat ini kerana mereka adalah sebahagian dari sebab kita tidak mendapat hasil yang penuh dari segala usaha kita, termasuklah usaha memulihkan kedudukan pekebun kecil yang ditugaskan kepada RISDA. Saya berharap saudara-saudara akan berhati-hati dengan golongan ini dan menjauhkan diri dari mereka dan fitnah mereka. Usaha mereka akan berlipat ganda kerana mereka menjangka tidak lama lagi akan diadakan

pilihanraya, dan pilihanraya adalah tanah subur bagi cendawan seperti ini untuk membiakkan fitnah mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan.

8. Pembangunan di negara kita Malaysia menekankan kedua-dua aspek kemajuan iaitu kemajuan rohani dan juga jasmani. Adalah tidak tepat sekiranya pihak-pihak tertentu mengatakan bahawa kita terbawa-bawa oleh model pembangunan di Barat yang lebih mementingkan aspek material atau kebendaan. Tetapi kita tidak nafikan bahawa kita akan mengambil aspek-aspek pembangunan, sama ada dari Barat ataupun dari lain-lain tempat, sekiranya sesuai dengan kehendak dan keperluan kita dan tidak bertentangan pula dengan nilai-nilai keagamaan kita.

9. Saya tertarik hati dengan program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh RISDA, khususnya konsep pembangunan masyarakat RISDA, yang memberi kepentingan kepada hasrat pembangunan sepadu yang merangkumi aspek rohani dan jasmani sebagaimana yang dianjurkan oleh Kerajaan. Kita perlukan satu masyarakat dan bangsa yang mempunyai nilai-nilai hidup yang positif terhadap aspek kerohanian dan kebendaan yang akan membawa kita dan negara kita melalui satu era pencapaian dan kejayaan yang tinggi. Masyarakat pekebun kecil juga adalah sebahagian daripada keseluruhan masyarakat yang akan kita wujudkan ini.

10. Setiap rakyat, tidak kira pekerjaan atau taraf kedudukannya, mestilah menyemai dan memupuk sikap yang memberi kepentingan yang seimbang terhadap masalah-masalah dunia dan juga akhirat. Ia bukan sahaja harus memupuk sikap ini pada dirinya tetapi juga terhadap anggota keluarganya dan seterusnya, jika ia mampu terhadap anggota masyarakatnya. Sikap yang seimbang terhadap dunia dan juga akhirat, iaitu tanpa meninggalkan mana-mana satunya, adalah penting kerana kesejahteraan dan kemakmuran di dunia bukan sahaja boleh dicapai melalui cara-cara yang diredhai oleh agama malahan kesejahteraan dan kemakmuran di dunia membolehkan seseorang meningkatkan lagi kemampuannya untuk beribadat dan memberi sumbangan terhadap kemakmuran dan kekuatan umat. Sekiranya sebahagian besar daripada rakyat, khususnya yang beragama Islam, mengikut gesaan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab supaya mengeneipkan dunia sama sekali bagi membuat persiapan ke akhirat, ini tentulah bertentangan dengan kehendak Islam supaya kita tidak melupai habuan kita di dunia semasa kita menyediakan diri untuk akhirat. Begitu juga setiap aktiviti hidup bermasyarakat dan bernegara sebagai umat yang berdikari adalah merupakan tuntutan di dalam Islam sebagai fardhu kifayah yang bertujuan untuk menjamin kekuatan dan keutuhan umat. Bagi memenuhi kehendak agama kita, Rukunegara dan hasrat pembangunan kita, setiap rakyat mestilah bekerja keras untuk mengisi dan menepati kehendak-kehendak ini. Jika kehendak agama Islam tidak diturut oleh orang Islam maka sudah tentu mala-petaka akan menimpa mereka.

11. Dalam perusahaan getah kita dapati satu keanihan yang patut saya sebutkan. Sementara dua- pertiga dari tanah kebun getah dimiliki oleh pekebun kecil dan satu pertiga oleh estate besar, tetapi dari segi pengeluaran pula satu-pertiga adalah dari pekebun kecil dan dua pertiga dari estet-estet besar. Kita tahu bahawa sebabnya berlaku keanihan ini ialah oleh kerana cara dan teknik penanaman dan pemeliharaan kebun getah oleh pekebun kecil tidak mengikut amalan-amalan yang baik yang dinasihatkan oleh pakar-pakar. Tetapi sungguhpun kita tahu kita tidak mengamal apa yang tindakan, prestasi yang baik tidak juga dicapai. Kita meminta lagi supaya bermacam tindakan lagi diambil oleh Kerajaan. Malangnya jikalau seribu satu tindakan lagi diambil oleh Kerajaan pun, selagi kita sendiri tidak sanggup mengamalkan amalan yang baik semua tindakan akan menjadi sia-sia sahaja.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

12. Untuk mendapat pendapatan yang memuaskan hati kita dari kebun getah kita perlukan bidang tanah yang luas. Semakin tinggi cita-cita kita semakin luas tanah yang diperlukan. Tetapi kita tentu tahu bahawa tanah tidak membesar seperti cita-cita kita yang dapat membesar sepanjang masa. Jika kita ingin mendapat pendapatan yang mencukupi maka perlulah kita menoleh ke arah lain untuk mencari sumber-sumber untuk mendapat tambahan pendapatan. Sebenarnya dalam menjalankan kerja atau tugas di kebun getah kita mempunyai banyak masa. Selepas menoreh sebelah pagi kita boleh membuat kerja-kerja lain. Kita harus fikir tentang apa lagi yang boleh kita buat untuk menambah pendapatan. Jika kita tidak dapat fikir sendiri ada pegawai Kerajaan yang diberi tugas untuk menasihati kita. Saya yakin jika kita sanggup ada sahaja yang dapat kita buat untuk menambah jumlah pendapatan kita. membenar Iblis mempengaruhi kita. Selepas bekerja di kebun getah, selepas beribadat kita masih mempunyai banyak masa untuk menjadikan kehidupan kita lebih bahagia. Dengan perkataan lain, disiplinkan diri dan tentang pengaruh Iblis.

13. Di waktu ini kita tahu harga getah telah turun kerana kemerosotan ekonomi dunia. Alangkah mudahnya kita menghadapi masalah ini jika kita mempunyai sumber-sumber dan punca-punca lain yang boleh menolong kita mengatasi kekurangan hasil pendapatan dari getah. Tetapi kerana kita terlalu bergantung kepada getah, kita menghadapi masalah. Mungkin kita berpendapat bahawa di waktu ini Kerajaan patut tolong mengatasi semua masalah kita. Sebenarnya banyak pertolongan yang telah diberi tetapi tak mungkin Kerajaan dapat mengatasi segala masalah kekurangan pendapatan kerana di waktu ini Kerajaan juga mendapat hasil yang kurang akibat kejatuhan harga getah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

14. Semua rakyat Malaysia mempunyai berbagai-bagai peluang untuk memperbaiki kedudukan ekonomi dan mutu kehidupan mereka. Asalkan sanggup bekerja keras, sanggup melalui

kesusahan, sanggup menggunakan segala pemberian Tuhan secara positif, adalah tidak sukar bagi setiap rakyat kita untuk memperbaiki nasib mereka. Kalau hendak jadi kaya cepat, hendak jadi kaya dengan cara senang, hendak mencuba-cuba, ini sudah tentu bukan daripada sifat-sifat yang dikehendaki dalam konteks pembangunan sepadu yang meliputi kemajuan rohani dan jasmani yang saya sebutkan tadi. Tanpa sifat-sifat ini tentu senang menyalahkan mana-mana pihak di atas nasib buruk yang menimpa diri sendiri dan sekiranya sikap ini tidak berubah sampai bilapun susah untuk mengubah nasib. Saya harap setiap rakyat, lebih-lebih lagi pemaju-pemaju masyarakat dan pegawai-pegawai RISDA yang menjadi agen-agen perubahan di peringkat akar-umbi, akan menyebarkan "formula" atau ramuan kejayaan yang saya jelaskan itu supaya ia akan menjadi teras kejayaan kita bersama.

15. Pihak RISDA sentiasa berusaha untuk mempelbagai dan memperluaskan sumber pendapatan pekebun kecil semenjak permulaan Rancangan Malaysia Ketiga. Saya yakin sekiranya kedua-dua pihak, RISDA dan masyarakat pekebun kecil bersatu dan bekerja kuat dengan matlamat-matlamat yang jelas, kita akan melihat satu perubahan yang besar di kalangan masyarakat luar bandar. Saya harap Pusat Pembangunan Pekebun Kecil RISDA yang terdapat di seluruh negara akan menjadi satu daripada pusat yang membawa perubahan, rohani dan jasmani di luar bandar. Saya ingin melihat kemampuan ekonomi luar bandar yang meningkat dengan berbagai-bagai kegiatan pertanian dan perusahaan-perusahaan berasaskan pertanian yang dapat bertanding dalam pasaran moden dalam masa yang sesingkat-singkatnya. Ini tidak harus dilihat sebagai hasrat dan harapan sahaja tetapi sebagai penyaluran iman dan ibadat di dalam pembangunan negara dan kemajuan umat. Pegawai-pegawai RISDA dan pemaju-pemaju masyarakat RISDA adalah barisan pemimpin yang bukan sahaja memikul amanah untuk membawa perubahan yang diharapkan ini tetapi juga untuk meneruskan usaha mewujudkan dan memupuk kepimpinan bagi pembangunan sektor luar bandar yang dinamis.

16. Dengan harapan ini saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Seminar Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan RISDA.

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.